

Pemandangan Drawbridge yang cantik pada waktu malam.

Pemandangan Drawbridge yang cantik pada waktu petang.

'Drawbridge' gondol Anugerah Ikon Pelancongan terbaik Malaysia

Oleh KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Terengganu melalui Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (Tourism Terengganu) berjaya merangkul dua hadiah di Malaysia Tourism Council Gold Awards 2019, anjuran Majlis Pelancongan Malaysia pada 25 Oktober lalu.

Anugerah itu termasuklah kejayaan Drawbridge atau jambatan angkat yang menjadi ikonik baharu negeri ini merangkul Anugerah Utama di Kategori Best New Tourism Icon. Selain itu, kerajaan negeri juga telah meraih Anugerah Most Popular Tourism Activity (Candai Sotong) yang sememangnya merupakan aktiviti utama pelancongan di negeri Terengganu.

Hadiah dan anugerah itu telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Datuk Isham Ishak yang menggantikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Maklumat negeri, Ariffin Deraman berkata, anugerah ini telah membuktikan usaha kerajaan negeri memajukan sektor pelancongan di Terengganu diiktiraf.

Katanya, kerajaan negeri melalui Tourism Terengganu dengan kerjasama TI Properties dan pemain pelancongan dalam mempromosikan Drawbridge sebagai mercu tanda utama pelancongan negeri telah berhasil dengan pengiktirafan yang diberikan.

"Sehingga hari ini, pengunjung berbayar ke Drawbridge telah mencecah angka 27,553 orang selepas dikenakan tiket sejak 15 September yang lalu.

"Pelbagai aktiviti promosi dan program juga telah dirangka

oleh Tourism Terengganu dan TI Properties pada tahun 2020 bagi menambah lagi kedatangan pengunjung ke Drawbridge seperti Pertandingan Kolek Drawbridge, Lomba Perahu Layar dan Pertandingan Layang-Layang Sedunia.

"Acara tahunan kita seperti Tower Run di samping Pertandingan Triathlon iaitu berlari, kayuh basikal dan berenang (across outer basin) di Drawbridge.

"Ini semua tidak termasuk lawatan media dan agensi pelancongan yang telah dan akan diadakan secara berkala. Semoga dengan pelbagai pengisian termasuk pembukaan restoran di menara Drawbridge akan dapat dijadikan daya penarik pelancong ke negeri Terengganu, insya-Allah," ujarnya kepada Harakah.

Menurut Ariffin, taklimat khas mengenai ikon pelancongan baru (Drawbridge) ini juga akan diberikan kepada media luar negara semasa penyertaan negeri Terengganu dalam World Travel Mart di London, program pelancongan terbesar di dunia pada awal November ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Alor Limbat, turut gembira dengan Anugerah Most Popular Tourism Program, yang dimenangi Candai Sotong Terengganu.

"Sememangnya ia merupakan program yang berjaya menarik perhatian semua pelancong dalam dan luar negara, dengan keistimewaan aktiviti mencandai sotong di sekitar bulan April sehingga Julai setiap tahun," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Jabatan Pelancongan negeri, Ab Rasid Jusoh berkata, acara yang mempunyai keunikannya tersendiri itu telah dimasukkan sebagai aktiviti utama Visit Malaysia 2020 dan akan dilancarkan di daerah Marang pada awal bulan April 2020.

Menurutnya, kenapa aktiviti



Exco Pelancongan Terengganu, Ariffin Deraman (dua kanan) mewakili kerajaan menerima anugerah Malaysia Tourism Council Gold Awards 2019.



Exco Pelancongan Terengganu, Ariffin Deraman (empat kiri) bersama pemenang-pemenang anugerah lain, Malaysia Tourism Council Gold Awards 2019.

mencandai sotong begitu popular di kalangan pelancong yang datang ke negeri ini kerana 'They pay for the experience'.

Selain daripada dua anugerah yang dimenangi oleh kerajaan negeri, sebuah resort di Pulau Perhentian, Besut iaitu Mimpi Perhentian Resort Sdn. Bhd. juga

telah memenangi Anugerah Best Island Resort.

Kejayaan pelancongan Terengganu dalam meraih anugerah berkenaan diharapkan dapat memberikan inspirasi kepada semua pihak terutamanya agensi dan pemain pelancongan, dalam menjadikan Terengganu



Malaysia Tourism Council Gold Awards 2019 anjuran Majlis Pelancongan Malaysia pada 25 Oktober lalu.



Sijil dan hadiah yang dimenangi Drawbridge.



'TUMPUAN'... Orang ramai bersantai di dataran yang berlatar belakang jambatan angkat atau drawbridge yang memenangi Ikon Pelancongan Terbaik Negara.

sebagai destinasi pilihan pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.